

**KENYATAAN MEDIA**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

PENGUMUMAN STADIUM TITIWANGSA SEBAGAI “HOME OF SEPAK TAKRAW”**23 FEBRUARI 2026**

1. Stadium Titiwangsa merupakan satu-satunya stadium tertutup milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang menjadi tumpuan untuk agensi-agensi kerajaan dan swasta, sekolah serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk penganjuran program dan acara sukan.
2. Susulan daripada prestasi cemerlang pasukan sepak takraw dalam kejohanan peringkat antarabangsa pada tahun 2025 iaitu menjadi juara dalam Kejohanan Sepak Takraw Piala Asia pada Mei 2025 di Stadium Titiwangsa dan memenangi 2 pingat emas di temasya Sukan SEA 2025 di Bangkok, Thailand pada Disember 2025. Oleh itu pihak kerajaan khususnya Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan DBKL bersetuju untuk menjadikan Stadium Titiwangsa sebagai “Home of Sepak Takraw”. Diharap pihak Persekutuan Sepak Takraw Malaysia dapat memanfaatkan sepenuhnya.
3. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa sepak takraw bukan sekadar sukan tradisi, tetapi satu sukan kompetitif bertaraf dunia yang memerlukan sokongan berterusan, perancangan strategik dan kemudahan berkualiti.
4. Merakamkan penghargaan khusus kepada Persekutuan Sepak Takraw Malaysia yang terus memainkan peranan penting memastikan sukan ini kekal mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Komitmen persekutuan dalam pembangunan atlet, penyertaan kejohanan serta usaha memperkukuh struktur sukan telah menyumbang kepada pencapaian Malaysia amat membanggakan.
5. Justeru, kewujudan “Home of Sepak Takraw” ini menjadi sangat signifikan kerana ia menyediakan platform latihan yang lebih sistematik, tersusun dan berfokus kepada prestasi tinggi.
6. Stadium Titiwangsa juga merupakan pusat latihan bagi pasukan sepak takraw Wilayah Persekutuan untuk persediaan Sukan SUKMA pada Ogos 2026 di Selangor.
7. Pihak DBKL akan memastikan kelengkapan bagi sukan sepak takraw di Stadium Titiwangsa ini adalah lengkap dan dapat digunakan sebaiknya untuk latihan dan penganjuran kejohanan.
8. Pada hari ini, satu perlawanan persahabatan antara pasukan SUKMA dan pasukan Sukan SEA diadakan sebagai penghargaan kepada mereka yang telah menaikkan nama negara dalam sukan sepak takraw.
9. Disamping itu juga, Persekutuan Sepak Takraw Malaysia akan mempergiatkan Klinik Sepak Takraw kepada semua peringkat warga Malaysia tanpa mengira kaum. Ianya akan juga melibatkan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil (SJKC dan SJKT) yang pernah diadakan sebelum ini.
10. Penambahbaikan yang telah dan akan dilaksanakan oleh DBKL adalah dalam RM80,000 untuk Stadium Titiwangsa sebagai “Home of Sepak Takraw” merangkumi perkara seperti berikut:
 - i. Lukisan mural di dinding dan identiti “Home of Sepak Takraw”;
 - ii. Mengecat dinding bangunan bahagian hadapan;
 - iii. *Score board* ditukar kepada LED;
 - iv. Ruang VIP dan *VIP box* di tingkat 1;
 - v. Surau, bilik media, bilik stor, tandas lelaki dan wanita;
 - vi. Kelengkapan peralatan sepak takraw; dan
 - vii. Bilik persalinan dan bilik mesyuarat.
11. Pada hari ini juga, diadakan acara penyampaian sagu hati imbuhan kemenangan kepada atlet DBKL yang berjaya memenangi pingat dalam Sukan SEA 2025 di Thailand pada Disember 2025. Seramai 8 orang atlet (termasuk jurulatih) DBKL yang telah memenangi 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 5 pingat gangsa.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

